



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	30/7/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	26
JABATAN	:	JPNP			

### Enam lori balak diarah berpatah balik, susun semula kayu balak ikut garis panduan



Sinar, 30 Jul  
2021\_26

FOTO: INSAN JPJP

Grippin (kanan) memeriksa lori balak dalam operasi semakan pematuhan muatan balak pada Khamis.

KUANTAN - Enam lori yang membawa muatan kayu balak diarah berpatah balik ke pusat pengumpulan bagi menyusun semula balak yang dibawa mengikut garis panduan ditetapkan.

Timbalan Pengarah Perhutanan (Operasi) Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP), Dr Grippin Akeng berkata, arahan itu diberikan selepas mengesan lori berkenaan membawa muatan balak secara berbahaya.

Menurutnya, garis panduan berkaitan pemuatan kayu balak telah disediakan melibatkan saiz panjang dan ketinggian serta susunan.

"Kita telah jalankan operasi semakan pematuhan muatan balak

selama dua hari di daerah Rompin dan Jerantut. Sebanyak 35 lori balak telah menjalani pemeriksaan dan enam daripadanya tidak mematuhi garis panduan.

"Jadi kita arahkan enam lori balak itu untuk berpatah balik ke pusat pengumpulan bagi membolehkan mereka menyusun semula hasil balak tersebut," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Operasi semakan pematuhan muatan balak itu turut disertai Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Ketua Penolong Pengarah (Penguat kuasa) JPNP, Nor Azirim Ahmad.

Grippin menjelaskan, peraturan

**GAGAL SOP  
PENYUSUNAN**

yang ditetapkan bertujuan untuk keselamatan, bukan sahaja kepada pemandu lori balak tetapi turut membabitkan pengguna jalan raya yang lain.

Katanya, pemandu lori balak perlu mengikut peraturan bagi mengelak berlaku masalah ketika membawa muatan balak.

"Sepanjang pemeriksaan dan pemerhatian, masih terdapat pemandu lori balak yang degil untuk mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan.

"Kami akan terus mengadakan operasi bersepadu bersama JPJ dalam usaha mengesan pemandu lori balak yang tidak mengikut peraturan," kata Grippin.